

# Vatican perlu pulih hubungan dengan dunia Islam: Dr M

**C**YBERJAYA: Vatican perlu melakukan lebih banyak usaha untuk memulihkan hubungannya dengan dunia Islam selepas Pope Benedict XVI mengeluarkan kenyataan menghina Islam minggu lalu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa sama, bekas Perdana Menteri mengingatkan masyarakat Islam supaya tidak bertindak balas secara keterlaluan sehingga membabitkan tindakan fizikal, seperti membakar kedutaan.

Beliau mengulas kecaman dan bantahan negara Islam berhubung kenyataan ketua gereja Roman Katolik itu selepas menyampaikan ceramah bertajuk 'Universiti Untuk Wawasan 2020' di Universiti Multimedia (UMM) di sini, semalam.

Berikutan bantahan itu, Pope menyatakan kesal kerana kenyataannya dianggap menghina Islam. Namun, masyarakat Islam, termasuk Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), menuntut beliau meminta maaf.

Terdahulu, dalam ceramahnya, Dr Mahathir berkata universiti tempatan perlu menumpukan bidang pengkhususan, terutama berkaitan sains, supaya menjadi pusat kecemerlangan yang menjadi rujukan dunia dan menghasilkan penerima Hadiah Nobel menjelang 2020.

Katanya, universiti juga perlu memperbanyakkan penyelidikan saintifik bagi menghasilkan penemuan yang akan mempertingkatkan tahap kehidupan rakyat Malaysia dan manusia sejagat.

"Hari ini di Malaysia kita melihat keinginan mendapatkan pendidikan. Ada yang tamat selepas tiga tahun dan kita beri ijazah, mereka datang ke majlis penyampaian ijazah dan ambil gambar, itu pemikiran yang salah," katanya.

Pada sesi soal jawab kemudian, Dr Mahathir menjelaskan mengenai Universiti Pertanian Malaysia (UPM) ditukar kepada Universiti Putra Malaysia dan tidak menumpukan pengkhususan dalam bidang pertanian.

Sementara itu di **CHUKAI**, Terengganu, Dr Mahathir menjelaskan Opcom Sdn Bhd (Opcom), iaitu syarikat yang ada kaitan dengan anaknya, Mukhriz, memenuhi semua syarat ketika permohonan kontrak pembekalan gentian optik bernilai lebih RM200 juta daripada Telekom Malaysia Bhd (TM).

Dr Mahathir yang sebelum ini menafikan anaknya mendapat kontrak kerajaan ketika beliau menjadi Perdana Menteri, sebaliknya mengakui projek berkenaan dimohon Mukhriz ketika beliau masih berkuasa.

Bagaimanapun, katanya permohonan itu dibuat melalui tender terbuka tanpa membabitkannya.

"(Tetapi) saya mendapat tahu selepas saya tidak lagi memegang jawatan Perdana Menteri, arahan diberi untuk tidak melanjutkan kontrak berkenaan sehingga dia (Mukhriz) terpaksa meminta-minta supaya diberikan kepadanya sedikit.

"Kemudian ada usaha nak bagi balik 30 peratus dan kemudian dikurangkan kepada 15 peratus," katanya selepas melancarkan Tabung Bangunan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Cawangan Kemaman dan Kempen Hari Pahlawan.

Beliau mengulas laporan yang disiarkan laman web *Malaysia Kini* bahawa syarikat itu memperoleh kontrak membekalkan genting optik kepada TM tanpa melalui tender terbuka.